

## TAKLIMAT DAN MESYUARAT PERLAKSANAAN CUKAI BARANGAN & PERKHIDMATAN GST DI PTAR

**Shah Alam, 5 Februari** – Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dengan kerjasama Jabatan Kastam Di Raja Malaysia telah mengadakan majlis taklimat dan juga mesyuarat Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada warga PTAR baru-baru ini.

Memandangkan Sistem GST akan dilaksanakan oleh kerajaan mulai 1 April 2015, PTAR merasakan setiap warga kerjanya perlu diberikan pendedahan dan pemahaman menyeluruh tentang konsep pelaksanaan GST. Objektif taklimat dan mesyuarat tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada warga PTAR berhubung cadangan kerajaan untuk melaksanakan GST di Malaysia. Selain itu, kesan pelaksanaan Sistem GST kepada kerajaan, peniaga, pelabur dan rakyat dapat difahami melalui sesi taklimat sebegini.

Berkenaan dengan PTAR, taklimat dan mesyuarat sebegini amatlah perlu memandangkan PTAR lebih arif mengenai perkara buku. Ia amat berkaitan dengan pembekalan berkadar sifar yang bermaksud buku yang tersenarai tidak akan dikenakan GST di semua peringkat pengedaran. Di dalam sesi taklimat dan mesyuarat ini PTAR dikehendaki menyenarai-kan buku-buku yang digunakan oleh perpustakaan UiTM untuk dipertimbangkan tersenarai di dalam Senarai Buku Berkadar Sifar. Majlis penerangan GST ini telah diadakan di bilik Seminar, PTAR dengan dihadiri oleh Ketua Pustakawan, Encik Noor Hidayat Adnan dan juga beberapa orang pegawai daripada PTAR termasuklah daripada Perpustakaan cawangan. Pada sesi taklimat itu pelbagai soalan turut diajukan kepada wakil Jabatan Kastam tersebut.

Taklimat yang bertajuk Projek Buku Berkadar Sifar telah disampaikan oleh beberapa orang pegawai daripada Cawangan Pengurusan dan Penyelarasan Risiko, Bahagian GST, Jabatan Kastam Diraja Malaysia antaranya Tuan Aspawi Bin Ismail, Penolong Kanan Pengarah Kastam II, Tuan Lim Yu Jian, Penolong Kanan Kastam dan Puan Ruzlini Binti Mohd Pudzi, Penguasa Kastam. Diharap dengan sesi penerangan itu warga PTAR mendapat lebih kefahaman tentang pelaksanaan Sistem Percukaian Barangan dan Perkhidmatan yang akan dilaksanakan nanti.



## Sidang Redaksi

Penasihat  
En. Noor Hidayat Adnan

Editor  
En. Jamalludin Sulaiman

Pengurus Produksi  
Pn. Nor Azwani Mohamad

Wartawan  
En. Nik Lokman Nik Ismail  
Pn. Nor Azwani Mohamad  
En. Mohd Hazrul Mohd Hussin  
Pn. Aznur Umiza Binti Abu Kassim

Grafik  
Cik Ain Nur Munirah Abdullah  
En. Zawawi Husin

Foto  
Pn. Rostinah Mujir  
Edaran  
Pn. Munirah Mohamad Izzan

Idea, Konsep dan Terbitan  
Unit Penerbitan, Bahagian Kompetensi  
dan Korporat, PTAR



# Bengkel

## Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Penolong Pustakawan Gred S27

Pihak Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menganjurkan Bengkel Persediaan Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Pembantu Pustakawan Gred S27 pada 17 – 18 Februari di Auditorium PTAR 2. Bengkel ini telah dihadiri seramai 40 orang Kumpulan Pelaksana dari seluruh kampus cawangan/negeri.


Antara objektif bengkel ini diadakan adalah :

- i. Memberi input mengenai sukatan peperiksaan yang akan dihadapi oleh semua staf berkaitan yang memohon.
- ii. Memberikan pendedahan kepada peserta mengenai aspek-aspek utama dan baharu dalam bidang kepustakawanan, kepimpinan dan pengurusan perpustakaan.
- iii. Memberikan pendedahan mengenai kompetensi penolong pustakawan (gred s27).
- iv. Memberikan persediaan minda dalam menghadapi peperiksaan dengan penuh persediaan dan lulus dengan jayanya.

Bengkel ini melibatkan penceramah dari Unit Integriti UiTM, Bahagian Pengurusan Harta Benda UiTM, dan juga daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak. Bengkel ini adalah bengkel kali ke-2 yang telah dijalankan oleh pihak PTAR bagi memastikan setiap staf kumpulan pelaksana PUiTM yang layak untuk mengambil peperiksaan tersebut agar lebih bersedia dan memahami teknik yang lebih tepat untuk menjawab soalan.



# Lawatan



## School of Liberal Arts, Sukhothai Thammathirat Open University, Thailand



**Shah Alam, 17 Februari-** Serombongan delegasi seramai 25 orang terdiri daripada pelajar-pelajar Pascasiswazah dari negara Thailand mengadakan lawatan ke Perpustakaan Tun Abdul Razak Utama (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) di sini baru-baru ini. Rombongan pelajar daripada Sukhothai Thammathirat Open University ini mengadakan lawatan ke sini bersempena dengan program yang berlangsung di Fakulti Pengurusan Maklumat yang menganjurkan program '2nd. International Postgraduate Colloquium in Information Science (IPCIS, 2015).

Tujuan lawatan mereka ke negara ini adalah untuk mengetahui secara lebih dekat bagaimana kerja-kerja perpustakaan dilaksanakan di PTAR terutamanya tentang perkhidmatan yang matan yang terdapat dan ditawarkan di sini dan juga cara penyebaran maklumat dilakukan kepada golongan pelajar dan pengguna secara keseluruhannya.

Semasa lawatan, para delegasi diberikan penerangan ringkas mengenai peranan, fungsi dan visi PTAR oleh Pustakawan daripada Bahagian Kompetensi dan Korporat iaitu Encik Nik Lokman Nik Ismail. Rombongan lawatan ini kemudian di bawa melawat ke bahagian-bahagian lain yang turut mempunyai kepentingan di dalam sesebuah perpustakaan seperti Bahagian Pengurusan Pelanggan, Bahagian Pembangunan Sumber Bercetak dan Jabatan Pengurusan Sumber Elektronik, Bahagian Pengurusan Koleksi dan sebagainya. Turut bersama delegasi rombongan ini adalah beberapa orang pensyarah daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana. Rombongan ini juga sebelum ini telahpun mengadakan beberapa lawatan ke beberapa tempat utama yang terdapat di UiTM sebelum berangkat kembali ke destinasi yang dituju.





# Bengkel Intensif Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK)

Berhasil mencungkil bakat wargakerja Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)

**Jasin, 23 Februari** – Bengkel Pengukuhan dan Intensif Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah diadakan di Perpustakaan UiTM Kampus Jasin, Melaka dalam mengenengahkan idea-idea baru dan segar bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan baru-baru ini.

Bengkel yang diadakan selama empat hari, bermula dari 23-26 Februari 2015 ini disertai oleh 43 orang wargakerja PTAR yang berada di sekitar Shah Alam dan juga daripada perpustakaan UiTM Kampus Jasin, Melaka selaku tuan rumah kepada program tersebut.

Bengkel ini adalah bertujuan untuk memberikan penjelasan, maklumat dan pendedahan awal kepada staf-staf PTAR tentang KIK yang sekaligus dapat menarik minat kepada staf untuk berkarya, berkeaktiviti dan berinovasi.

Secara umumnya, KIK merupakan platform untuk warga sesebuah organisasi mengemukakan idea kreatif dan melakukan inovasi secara praktikal. Penganjuran bengkel ini secara tidak langsung merupakan satu wadah yang konsisten dan berkesinambungan untuk membudayakan elemen kreativiti dan inovasi dalam diri setiap warga PTAR. Dalam konteks yang lebih luas, ia merupakan antara sokongan terhadap usaha dan komitmen berterusan pihak pengurusan PTAR dalam menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan.

Ketua Pustakawan UiTM, Encik Noor Hidayat Adnan yang hadir pada sesi terakhir pembentangan KIK berkata sebagai wargakerja PTAR yang bekerja di dalam sesebuah pusat gedung ilmu wajar melaksanakan tanggungjawab berpandukan konsep CEPAT, TEPAT DAN BERINTEGRITI (CTI) yang disokong dengan konsep PRODUKTIF, KREATIF DAN BERINOVASI (PCI) bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengenengahkan idea dan kreativiti yang baru. Situasi semasa ini menuntut PTAR melakukan perubahan demi perubahan secara kreatif dan inovatif.

Sebanyak empat Kumpulan KIK terlibat dalam bengkel tersebut antaranya adalah kumpulan Manhaj, Shine, One Pro dan KeyLite. Kesemua kumpulan ini merupakan kumpulan KIK yang baru ditubuhkan kecuali kumpulan KeyLite yang sememangnya merupakan kumpulan yang paling berpengalaman di PTAR.

persembahkan pelbagai idea inovasi untuk perkhidmatan yang lebih baik di peringkat UiTM. Bengkel yang diadakan ini mendapat sentuhan dan tunjukajar daripada penceramah berpengalaman iaitu Tuan Haji Kamarulzaman Kassim dari K2K Consulting yang juga merupakan bekas pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Pantai Timur.



## DIARI PTAR *Februari 2015*

Taklimat GST di PTAR

5 Februari 2015

Majlis Perutusan Tahun Baharu Naib Canselor

UiTM 2015

10 Februari 2015

Latihan Sangkutan Pustakawan USIM

09 - 13 Februari 2015

Bengkel Persediaan Menghadapi Peperiksaan Khas

Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Penolong

Pustakawan Gred S27

17 - 18 Februari 2015

Lawatan dari School of Liberal Arts, Sukhothai

Thammathirat Open University, Thailand

17 Februari 2015

Bengkel Intensif Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK)

23 - 26 Februari 2015

Tazkirah – Tarbiyah Hati

27 Februari 2015